



Lembaran Fakta

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2020: Tinjauan Kebangsaan Kesihatan Mulut Orang Dewasa (NOHSA) 2020

PENGENALAN

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) merupakan platform penting untuk memantau kesihatan penduduk di Malaysia. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan Pergigian Orang Dewasa (NOHSA) yang pertama telah dijalankan pada tahun 1990, dan dilaksanakan sekali setiap sepuluh tahun untuk menentukan status kesihatan mulut dan keperluan rawatan penduduk dewasa. NHMS 2020: NOHSA 2020 merupakan tinjauan kesihatan mulut orang dewasa yang pertama dilaksanakan di bawah bidang kuasa Institut Kesihatan Umum.

METODOLOGI

NHMS 2020: NOHSA 2020 merupakan tinjauan keratan rentas yang menggunakan reka bentuk kajian kompleks dengan persampelan rawak berstrata dua peringkat. Tinjauan ini melibatkan semua negeri dan wilayah persekutuan di Malaysia bagi menghasilkan data yang mencerminkan populasi negara. Temu bual secara bersemuka dan pemeriksaan klinikal mulut telah dijalankan oleh 65 orang pemeriksa pergigian negeri. Sejumlah 16,734 orang dewasa berumur 15 tahun dan ke atas telah mengambil bahagian dalam tinjauan ini, mewakili kadar respon sebanyak 70.0% daripada sejumlah 704 blok perhitungan (BP) yang terdiri daripada 6,895 tempat kediaman (TK).

FAKTA UTAMA

Status Kesihatan Mulut

Status gigi

- Dewasa yang mempunyai gigi: 95.4%
- Purata bilangan gigi dalam kalangan jumlah anggaran populasi: 24.4
- Purata bilangan gigi dalam kalangan populasi yang mempunyai gigi: 25.5
- Populasi berumur 60 tahun dan ke atas yang mempunyai ≥ 20 batang gigi: 34.3%

Peningkatan daripada 21.7% (2010) bagi populasi berumur 60 tahun dan ke atas yang mempunyai ≥ 20 batang gigi

Status karies dan keperluan rawatan

- Prevalens karies: 85.1%
- Prevalens karies dalam kalangan 15-19 tahun: 51.7%
- Keterukan karies (Purata DMFT): 9.7
- Prevalens karies akar (dalam kalangan dewasa berumur 50 tahun dan ke atas): 17.5%
- Keperluan bagi rawatan karies dalam kalangan orang dewasa yang mempunyai gigi:
 - Rawatan restoratif: 40.7%
 - Cabutan: 28.9%
 - Rawatan endodontik: 4.5%

Trend penurunan bagi prevalens karies dari 2000 (90.3%) dan 2010 (88.9%)
Trend penurunan bagi keterukan karies dari tahun 2000 (purata DMFT: 11.6) dan 2010 (purata DMFT: 11.4)
Trend peningkatan bagi keperluan rawatan endodontik dari 2000 (1.1%) dan 2010 (2.2%)

Status kesihatan periodontium dan keperluan rawatan (dalam kalangan populasi yang mempunyai gigi)

- Periodontium sihat: 5.1%
- Periodontium tidak sihat: 94.5%
 - Pendarahan semasa pemproban: 4.7%
 - Kalkulus: 51.5%
 - Periodontitis: 38.2%
 - Poket periodontium yang cetek: 23.7%
 - Poket periodontium yang dalam: 14.5%
- Keperluan rawatan periodontal:
 - Arahan kebersihan mulut (OHI) (TN1): 94.5%
 - OHI, penskaleran & profilaksis (TN2): 89.8%
 - Rawatan kompleks (TN3): 14.5%

Penurunan prevalens dari 2010 bagi poket periodontium yang cetek (30.3%) dan poket periodontium yang dalam (18.2%)

Lesi mulut

- Lesi mulut: 9.5%
 - Lesi tisu lembut*: 9.5%
 - Lesi merah: 11.0%
 - Lesi putih: 29.5%
 - Ulser: 33.8%
 - Lain-lain: 33.1%
 - Lesi tisu keras: 0.7%
 - Dalam kalangan yang mengalami lesi mulut, 37.7% memerlukan rujukan

*Responden boleh mengalami lebih daripada 1 lesi mulut

Status dan keperluan prostesis pergigian

Prevalens prostesis pergigian : 16.3%

- Dentur sebahagian: 8.0%
- Dentur penuh: 5.0%
- Prostesis tetap: 1.8%
- Penuh + sebahagian + prostesis tetap: 1.5%

Keperluan prostesis pergigian: 48.4%

- Dentur sebahagian: 31.4%
- Prostesis tetap: 10.2%
- Penuh + sebahagian + prostesis tetap: 4.9%
- Dentur penuh: 1.8%
- Prostesis tetap + dentur sebahagian: 0.1%

Trend penurunan bagi prevalens prostesis pergigian dari 2000 (26.5%) dan 2010 (24.7%)

Trend penurunan bagi keperluan prostesis pergigian dari 2000 (35.6%) dan 2010 (45.9%)

Keperluan rawatan keseluruhan

94.6% orang dewasa memerlukan rawatan penjagaan kesihatan pergigian (penjagaan periodontal/rawatan karies gigi/ keperluan prostesis pergigian/rujukan untuk lesi mulut)

Penurunan prevalens keperluan rawatan keseluruhan dari 2010 (98.3%)

Soal selidik

Persepsi dan kepuasan kesihatan pergigian

Prevalens orang dewasa yang menganggap mereka:

- Mempunyai kesihatan mulut yang sangat baik/baik: 53.9%
- Berpuas hati dengan kesihatan pergigian: 71.0%
- Memerlukan penjagaan kesihatan pergigian: 69.0%

Kualiti hidup berkaitan kesihatan pergigian (OHRQoL)

- Prevalens impak kesihatan pergigian: 37.5%
- Domain yang paling terjejas:
 - Ketidakselesaan psikologi: 25.5%
 - Pengehadan fungsian: 13.9%
 - Ketidakupayaan fizikal: 13.4%
- Impak yang paling biasa dilaporkan:
 - Ketidakselesaan akibat makanan terlekat di celah-celah gigi/ dentur: 23.8%
 - Mengelak makan makanan tertentu: 10.4%
 - Kesukaran mengunyah: 8.3%

Peningkatan impak prevalens kesihatan pergigian dari 2010 (29.3%)

Kesedaran tentang mesej kesihatan pergigian

- Prevalens orang dewasa menerima mesej kesihatan pergigian: 54.2%
- Sumber utama:
 - Media sosial: 30.5%
 - Prevalens tertinggi di kalangan kumpulan umur 25-29 tahun: 45.8%
 - Media massa: 18.6%
 - Prevalens tertinggi di kalangan kumpulan umur 45-44 tahun: 21.6%

Penggunaan ubat gigi

- Prevalens orang dewasa yang mempunyai gigi tidak menggunakan ubat gigi: 0.6%
- Prevalens orang dewasa yang menggunakan ubat gigi berfluorida: 94.7%
- Di kalangan orang dewasa yang menggunakan ubat gigi berfluorida:
 - 44.5% tidak mengetahui sama ada ubat gigi yang digunakan mengandungi fluorida
- Di kalangan orang dewasa yang menggunakan ubat gigi tanpa fluorida:
 - 54.1% tidak mengetahui sama ada ubat gigi yang digunakan mengandungi fluorida

Pemeriksaan Mulut Kendiri (MSE)

- Prevalens kesedaran tentang MSE: 24.7%
- Prevalens mengamalkan MSE dalam kalangan yang mengetahui MSE: 86.0%

Tabiat mengunyah sirih

- Prevalens tabiat mengunyah sirih: 3.0%
- Purata hari mengunyah sirih dalam seminggu: 3.47

Penggunaan penapis air

- Prevalens isi rumah yang menggunakan penapis air: 71.4%
- Jenis penapis air yang digunakan:
 - Osmosis berbalik: 47.2%
 - Karbon diaktifkan: 35.7%

Peningkatan dari 2010 (42.0%)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Program Kesihatan Pergigian
 Aras 5, Blok E10, Kompleks E
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya
 Malaysia
 03-88834215